

Dunia berhak tolak nilai Barat

BH ... 5 APR 2002

PUTRAJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ada nilai-nilai Barat yang telah mengakhirakan kemusnahan dahsyat di dunia dan Malaysia serta negara lain berhak untuk menolak nilai-nilai seperti itu.

Perdana Menteri berkata fahaman komunisme dan sosialisme adalah antara idea Barat yang kini diketepikan menyebabkan mereka yang menerima fahaman itu terkapai-kepai.

"Dan anda tahu apayang berlaku. Anda mengetepikan idea itu dan mereka yang menerimanya kini mendapati kesukaran membangunkan negara kerana mereka mempunyai mentaliti subsidi, mereka tidak memahami konsep pasaran terbuka dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam pertemuan dengan kira-kira 20 wartawan asing yang membuat liputan Sesi Khas Menteri-

nilai kami sebagai tidak baik?," katanya.

Dr Mahathir berkata Barat juga menganggap sistem kehakiman mereka sebagai terbaik dan paling betul dan sistem yang diamalkan di negara lain sebagai salah.

Perdana Menteri berkata: "Jika seseorang itu dibicarakan di negara ini (anda akan mengatakan) mereka (orang Asia) tidak memahami hak asasi manusia, undang-undang, walaupun jika kami mempunyai hakim yang terlatih di England menghakimi perbicaraan.

"Dan jika mereka menghukum seseorang yang anda berpendapat tidak bersalah, maka tentu anda akan berkata inilah orang Asia, mereka tidak faham apa yang benar dan salah."

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak pernah mempertikai keputusan mahkamah Barat sama ada seseorang itu bersalah atau tidak.

lai Barat.

"Sebaliknya, apa yang Barat lakukan semuanya diandaikan sebagai betul. Arthur Andersen dan Enron semuanya baik, anda tidak mempertikaikannya," katanya merujuk kepada skandal yang memabitkan salah satu kes mufliis terbesar di Amerika Syarikat baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia dituduh mengamalkan kronisme dap ia tidak adil atau tidak memahami keadilan.

"Itu andaian anda. Itu sebabnya kami tidak mahu Australia atau New Zealand menyertai Asean kerana mereka mempunyai nilai Eropah yang mana anda akan mengandaikan bahawa apa yang anda lakukan sebagai betul dan kami salah. Tetapi boleh jadi juga kami yang betul dan anda yang salah," tambahnya.

Menjawab pertanyaan mengenai langkah perseediaan negara ini selepas beliau tidak lagi memim-

menteri Luar Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keaganasan yang berakhir semalam.

Katanya, kini Barat mengatakan bahawa nilai baru yang dihasilkan oleh hak individu, kebebasan dan sebagainya sebagai baik.

Dr Mahathir berpendapat perkara itu sebenarnya adalah di sebaliknya dan beliau memberikan contoh mengenal satu kes perbicaraan di sebuah negara Barat apabila seorang lelaki dibenar membuka pawagam lucuh di kawasan pinggir bandar walaupun mendapat bantahan penduduk di situ.

"Mahkamah mengatakan lelaki itu berhak membuka pawagam lucuh. Bagaimana pula dengan hak penduduk yang memban-tah? Tetapi inilah nilai Barat. Kami tidak mahu nilai Barat kerana ia tidak membawa manfaat.

"Kenapa kami tidak boleh menolak nilai Barat dan perlu menerimanya sebagai nilai universal dan

"Tetapi dengan pantas-nya apabila anda mendapati seseorang yang anda rasa tidak bersalah, (apabila) dia didapati bersalah oleh mahkamah kami, maka ia mesti disebabkan nilai Asia, (dengan mengatankan) mahkamah tidak memahami apa yang benar dan salah," katanya.

Menjawab pertanyaan mengenai sapina yang pernah diterimanya bagi satu perbicaraan, Dr Mahathir berkata beliau telah menjawab sapina itu seperti yang dikehendaki undang-undang.

Beliau memberitahu wartawan terbabit: "Sekarang anda mengungkit perkara terperinci mengenai prosedur. Anda cuba mencari kesilapan saya, ini satu lagi nilai Barat."

"Beginilah, anda mahu mencungkil supaya dapat menverliahkan bahawa sebagai seorang pemimpin Asia, dia ini tidak boleh melakukan sesuatu yang betul, dia seharusnya bodoh dan tidak memahami undang-undang. Inilah ni-

pin, Dr Mahathir: berkata beliau tidak bimbang mengenai masa depan Malaysia selepasnya kerana sistem mentadbir negara ini telah sedia dibentuk.

Perdana Menteri berkata beliau tidak berfikir bahawa beliau tidak boleh diganti.

Katanya, Malaysia ditadbir oleh gabungan besar 14 parti komponen yang telah menerima sistem bekerjasama.

"Sistem' mentadbir negara ini sudah sedia dibentuk. Saya percaya selepas saya tidak lagi berada di sini, sistem ini akan berkesan (tetapi) akan ada perubahan kerana setiap pemimpin ada cara tersendiri.

"Saya tidak bimbang langsung mengenai masa depan negara ini. Kami telah mempunyai satu sistem, cara melakukan sesuatu perkara dan bagaimana mengendalikan hubungan antara kaum. Maka ia bukan sesuatu yang kami bimbangkan," katanya - Bernama